

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 JULAI 2020

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : M/S 28

FGV tambah aset kukuhkan perniagaan logistik

FGV Holdings Berhad (FGV) akan meningkatkan pendapatan dalam perniagaan logistik diceburi dengan menambah bilangan aset dimiliki seperti lori tangki, treler tirai tepi dan trak pembuang.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Datuk Haris Fadzilah Hassan berkata, aset tambahan itu dijangka mampu meningkatkan kekuatan logistiknya di bawah FGV Transport Sdn Bhd (FGV Transport).

“FGV Transport memainkan peranan penting dalam rantaian bekalan syarikat, sekali gus men-

jadi pengendali pengangkutan produk sawit terbesar di negara ini.

“Justeru, kami merancang untuk mengembangkan lagi perniagaan diceburi sebagai penyedia perkhidmatan logistik yang cekap dan boleh dipercayai sejajar dengan permintaan industri,” katanya dalam satu kenyataan.

FGV Transport memiliki hampir 500 kendaraan merangkumi lori tangki, kargo dan kurier serta 14 hab termasuk lima depot utama serta sembilan sub-depot.